

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PSIKOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 10202
PROGRAM : 1 BBV, 1 BBC, 1 BBE, 1 BBD,
1 BBB, 1 BBF
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA : 2 JAM
ARAHAN : A) JAWAB DUA (2) SOALAN
SAHAJA DALAM
BAHAGIAN A.
B) JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM BAHAGIAN B.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT BELAS (14)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1** (a) Jelaskan maksud psikologi pendidikan. (5 markah)
- (b) Huraikan sumbangan psikologi kepada bidang pendidikan beserta contoh yang sesuai. (10 markah)
- (c) Huraikan perbezaan antara pendidikan (*education*) dan persekolahan (*schooling*). (10 markah)
- S2** (a) Jelaskan kaitan antara personaliti dan trait. (6 markah)
- (b) Huraikan bagaimana faktor baka dan persekitaran boleh mempengaruhi personaliti seseorang individu. (10 markah)
- (c) Ali seorang pelajar yang introvert. Beliau seorang yang pendiam, sensitif dan pasif di dalam kelas. Pencapaian pelajarannya adalah lemah. Sebagai seorang guru, bagaimanakah caranya anda membantu Ali untuk meningkatkan pencapaiannya dalam pelajaran. (9 markah)
- S3** (a) Berikan tiga tokoh yang terkenal dalam Teori Behaviorisme. (3 markah)
- (b) Terangkan perbezaan Teori Pelaziman Klasik (PK) dan Teori Pelaziman Operan (PO). (10 markah)
- (c) Huraikan bagaimana pendekatan psikologi behaviorisme boleh digunakan untuk aktiviti pengajaran & pembelajaran berikut;
- (i) memotivasikan pelajar.
 - (ii) menguruskan pelajar yang nakal dan mengganggu pelajar lain.
 - (iii) membuat perancangan mengajar harian.
- (12 markah)

- S4** (a) Terangkan maksud perbezaan individu. (4 markah)
- (b) Huraikan secara terperinci bagaimana faktor persekitaran mempengaruhi perbezaan individu beserta dengan contoh yang sesuai. (8 markah)
- (c) Anda ditempatkan di salah sebuah sekolah menengah di kawasan pedalaman di negeri Sabah. Terdapat banyak masalah yang berpunca daripada perbezaan kebolehan intelek, etnik dan taraf sosio ekonomi. Anda ditugaskan untuk mengajar subjek Sains Tingkatan 2. Terangkan bagaimana anda merancang aktiviti pengajaran untuk tempoh 40 minit mengikut format seperti dalam Jadual S4. (13 markah)

Jadual S4

Masa: Tempat: Jumlah pelajar:		
Tajuk	Objektif pengajaran	Aktiviti
Proses Fotosentesis	Di akhir kelas, pelajar dapat: a)..... b)..... c).....	a) Pelaksanaan pengajaran (Contoh: set induksi, penerangan teori, tayangan video, dll) b) Aktiviti pelajar
Kesimpulan:		

BAHAGIAN B

Sila jawab soalan di bahagian ini pada borang OMR yang disediakan.

- S1 Fitrah dari segi bahasa membawa maksud
- A semulajadi, sah, tulen, asli.
 - B terbelah, pecah, terbit, terbentang.
 - C naluri ingin tahu dalam diri manusia.
 - D nilai-nilai yang murni dalam diri manusia.
- S2 Adik beradik kembar yang mendapat persekitaran pendidikan yang sama tetapi pencapaian kemajuannya berbeza kerana
- A perbezaan tingkahlaku dalam pembelajaran.
 - B peranan alat bantu mengajar dalam pembelajaran.
 - C perbezaan tahap kecerdasan mental dalam pembelajaran.
 - D guru tidak menggunakan Teori Bandura dalam pengajaran.
- S3 William James menekankan bahawa guru boleh membantu pelajar mengatasi masalah pembelajaran dengan cara
- A menunjuk cara yang betul berdasarkan ilmu yang ada.
 - B membiarkan murid mengubah sendiri kaedah belajarnya.
 - C mengambil tindakan berdasarkan pemerhatian ke atas murid.
 - D berbincang dengan murid untuk mendapatkan cara terbaik untuk belajar.
- S4 Mengikut John Dewey pembelajaran lebih mudah berlaku dan bermakna sekiranya guru
- A menggunakan kepelbagaian teknik mengajar untuk menarik pelajar.
 - B menekankan hafalan sehingga pelajar boleh memberi segala maklumat yang diajar.
 - C menyakinkan murid bahawa ilmu yang diajar adalah ilmu yang baru dan berkesan.
 - D menekankan kebolehan semula jadi kanak-kanak mengadaptasi diri dengan persekitarannya.

- S5 Dalam proses pembelajaran, seseorang pelajar cuba menukarkan maklumat yang diterimanya kepada bentuk yang lebih ringkas dan mudah. Peringkat ini dikenali sebagai
- A menyimpan.
 - B mengekod.
 - C generalisasi.
 - D ingat kembali.
- S6 Yang manakah yang berikut bukan merupakan peneguhan positif?
- A Hadiah seorang ibu kepada anaknya sebagai tanda sayang.
 - B Hadiah seorang kakak kepada adik-adik yang membantunya.
 - C Pujian kepada Rahimah setelah dia membuang sampah ke dalam tong sampah.
 - D Senyuman Cikgu Ratna kepada murid-murid yang memberikan kerjasama.
- S7 Manakah antara berikut paling tepat mengenai keperluan keselamatan dalam Teori Maslow?
- A Kes jenayah dapat diadili dan penjahat dapat ditangkap.
 - B Keselamatan dicapai dengan adanya ketenteraman, kebebasan dan perlindungan.
 - C Keamanan dirasakan apabila pihak berwajib menjalankan tugas mereka dengan lancar.
 - D Setiap individu dapat meningkat kepada keperluan yang lebih tinggi seperti keperluan sendiri.
- S8 Baka sangat mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan individu kerana
- A maklumat genetik dalam DNA mewariskan ciri-ciri fizikal, kerohanian dan kebijaksanaan.
 - B tumbesaran dipengaruhi oleh ibu bapa dan cara didikan yang diterima seseorang sejak kecil.
 - C memilih keturunan yang baik sangat penting dalam menentukan generasi akan datang yang berkualiti.
 - D perwatakan seseorang terbina secara beransur-ansur daripada sel-sel yang terbentuk sejak di alam rahim lagi.


- S9 Perkembangan fizikal merangkumi _____ yang semakin baik.
- A keadaan tubuh badan.
 - B pergerakan, kestabilan dan koordinasi tubuh badan.
 - C ketangkasan, keselarasan dan ketepatan gerakan tubuh.
 - D ketinggian, ukuran saiz badan dan perkembangan pergerakan.
- S10 Antara berikut manakah aktiviti yang di proses oleh otak kanan menurut Rogers Sperry?
- A Belajar Fizik.
 - B Belajar muzik.
 - C Belajar komputer.
 - D Belajar Matematik.
- S11 Pelajar yang sudah memiliki motivasi intrinsik mempunyai ciri-ciri berikut kecuali
- A sering meminta pertolongan.
 - B sukakan pekerjaan mencabar.
 - C tidak mengharapkan balasan.
 - D yakin dengan kebolehan sendiri.
- S12 Pada peringkat manakah berlakunya perubahan kognitif kepada peringkat operasi formal menurut Piaget?
- A Peringkat bayi (0 – 2 tahun).
 - B Peringkat awal kanak-kanak (2 – 6 tahun).
 - C Peringkat pertengahan remaja (15 – 20 tahun).
 - D Peringkat awal remaja sehingga dewasa (12 tahun dan ke atas).
- S13 Tugas perkembangan pada peringkat remaja melibatkan perkara-perkara berikut kecuali
- A mengenali potensi dan identiti diri.
 - B menerima keadaan fizikal serta jantina diri.
 - C mencari serta memilih rakan sebaya yang sesuai.
 - D mencapai kebolehan berdikari dari segi sosio-ekonomi.

- S14 Manakah perbuatan yang menunjukkan sikap autonomi dalam pembelajaran pada seorang kanak-kanak?
- A Menyiapkan kerja sekolah seperti yang telah disuruh oleh bapanya.
 - B Bermain dan merosakkan alat rakaman video semasa ibu bapanya tiada di rumah.
 - C Mencuri pensil rakan sekelas dan menjualkannya kepada rakan lain untuk mengumpul wang.
 - D Bermain di semak samun berdekatan sungai untuk mengetahui jenis-jenis tumbuhan yang ada di situ.
- S15 Cikgu Mahmud sedang menyampaikan kuliah kepada para pelajar. Pemindahan positif boleh berlaku kepada pendengar sekiranya Cikgu Mahmud
- A menggalakkan mereka menghafal konsep.
 - B memberikan banyak contoh yang berkaitan.
 - C menggunakan teknik pengajaran berpusatkan guru.
 - D menyusun isi pengajaran kepada yang abstrak kepada konkrit.
- S16 Seorang yang ingin kembali kepada fitrah yang baik boleh melakukannya dengan cara
- A membuat keputusan berdasarkan gerak hati dan pendapat orang lain.
 - B menggunakan akal untuk menilai buruk baik setiap sesuatu perkara.
 - C mengikut gerak hati dalam membuat keputusan dan suka mempelajari sesuatu.
 - D menghubungkan diri kepada Pencipta dan belajar tatacara hidup yang cemerlang.
- S17 Jika ada pelajar yang nakal, seorang guru yang mempercayai Teori Abraham Maslow menganggap punca kenakalan itu adalah
- A kekurangan pendedahan dan pengalaman dalam mengawal emosi diri menjadikan seseorang bertindak agresif.
 - B kurangnya pembentukan tabiat yang berterusan menjadikan pelajar membuat tindakan melulu dan tidak disukai.
 - C kekurangan dalam aspek keperluan asasi dan keselamatan mungkin membawa kepada kurangnya nilai kasih sayang.
 - D Kurangnya komunikasi dua hala antara pendidik dan orang yang penting dalam hidup pelajar menjadikan sering berlaku salah faham.

S18 Tujuan psikologi kognitif ialah

- A mengkaji proses penaakulan yang menjadi asas pemikiran aras tinggi.
- B mengkaji daya pemikiran manusia dalam situasi pengajaran dan pembelajaran.
- C mengkaji kekuatan dan kelemahan dalam daya pemikiran seseorang individu.
- D mengkaji proses minda dengan membuat perbandingan dengan komputer.

S19 Rajah S19 merujuk kepada unsur-unsur kejadian manusia.



Rajah S19

Antara berikut manakah bukan implikasi pertembungan dua unsur kejadian manusia iaitu roh dan tanah?

- A Manusia perlu diberi peluang walaupun perangnya ganas dan buas.
- B Manusia perlu menghadapi susah payah sebelum merasa kesenangan.
- C Manusia ada nafsu kebinatangan tetapi boleh dibendung oleh akal dan roh.
- D Manusia mempunyai kecenderungan dan sikap yang sudah termaktub dari azali.

S20 Hati manusia membuat keputusan. Tetapi X dan Y menjadi penasihat luar yang selalu mempengaruhi keputusan. Apakah X dan Y?

	X	Y
A	roh	akal
B	akal	syaitan
C	roh	nafsu
D	syaitan	nafsu

S21 Antara berikut, yang manakah bukan elemen asas gaya pembelajaran menurut Dunn dan Dunn (1981)?

- A Akal.
- B Baka.
- C Masa.
- D Persekitaran.

S22 Manakah antara berikut bukan merupakan faktor lupaam?

- A Masa yang mencukupi.
- B Perubahan alam sekitar.
- C Maklumat yang lengkap.
- D Tekanan dan kebimbangan.

S23 Bagaimanakah cara yang betul bagi seorang pendidik berdepan dengan fitrah murid-murid dalam situasi pengajaran?

- I Pendidik perlu menganjurkan aktiviti berpusatkan murid.
- II Pendidik perlu menyuburkan kebaikan dalam diri pelajar dan mengasuh adab.
- III Pendidik haruslah menjadi contoh yang terbaik kepada pelajar-pelajar.
- IV Pendidik mestilah memaafkan kedhaifan seseorang pelajar dan sentiasa memberi mereka peluang.

- A I dan II sahaja.
- B III dan IV sahaja.
- C I, II dan III sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S24 Guru dapat mengetahui sama ada pelajarinya bermotivasi untuk belajar dalam sesi pengajarannya melalui ekspresi motivasi berikut:

- I air muka.
- II gerak badan pelajar.
- III semangat yang ditunjukkan.
- IV usaha yang pelajar tunjukkan.

- A I sahaja.
- B IV sahaja.
- C I, II dan III sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S25 Motif dalaman yang boleh dijadikan sumber motivasi kepada murid untuk belajar ialah

- I emosi.
- II pujian.
- III kognisi.
- IV keperluan.

- A II dan III sahaja.
- B I, II dan III sahaja.
- C I, III dan IV sahaja.
- D I, II, III dan IV.

S26 Pilih padanan yang betul.

	SEBELUM PELAZIMAN	SEMASA PELAZIMAN	SELEPAS PELAZIMAN
A	a. bunyi loceng → tiada gerak balas b. makanan → rembesan air liur	a. bunyi loceng dan makanan → rembesan air liur	a. bunyi loceng → anjing menyalak
B	a. bunyi loceng → tiada gerak balas b. makanan → rembesan air liur	a. bunyi loceng dan makanan → rembesan air liur	a. bunyi loceng → tiada gerak balas
C	a. bunyi loceng → tiada gerak balas b. makanan → rembesan air liur	a. bunyi loceng dan makanan → rembesan air liur	a. bunyi loceng → rembesan air liur
D	a. bunyi loceng → tiada gerak balas b. makanan → rembesan air liur	a. bunyi loceng dan makanan → rembesan air liur	a. bunyi loceng → anjing mencari daging

S27 Menurut Maslow, individu yang telah memenuhi keperluan penyempurnaan sendiri mempunyai ciri-ciri berikut kecuali

- A mempunyai perasaan rasa keakuan dan ego.
- B boleh menerima hakikat diri yang sebenarnya.
- C mempunyai kawan karib dan suka tolong menolong.
- D mempunyai prinsip hidup dan moral diri yang tinggi.

- S28 Metakognisi merupakan satu kebolehan mental mengawal, mengarah dan memantau pemikiran yang sedang dijalankan. Jika kemahiran ini diajar kepada murid-murid,
- A mereka boleh membuat kajian dan menghasilkan kerja yang berkualiti.
 - B mereka akan boleh menggunakan pelbagai strategi untuk belajar sendiri.
 - C mereka dapat mengatasi pelbagai kesukaran dalam kehidupan seharian.
 - D mereka akan bergantung kepada teknik-teknik biasa untuk membuat ulangkaji.

- S29 Seseorang memerlukan kasih sayang dan pertolongan yang banyak untuk menyuburkan potensi dirinya yang sedia ada.

Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip pendekatan

- A psikologi kognitif.
- B psikologi humanistik.
- C psikologi behaviorisme.
- D psikologi konstruktivisme.

S30 dan S31 berdasarkan Kes S30.

Murid A dan Murid B bertengkar tentang hal peribadi. Seorang pengawas cuba meleraikan pergaduhan itu, lalu ditumbuk dengan ganas oleh pelajar A. Pelajar B lari dan bersembunyi. Pelajar-pelajar lain melaporkan kejadian tersebut kepada guru disiplin.

Kes S30

- S30 Berdasarkan Kes S30, apakah peranan guru yang menerima aduan ini?
- A Guru sebagai kaunselor.
 - B Guru sebagai ibu bapa.
 - C Guru sebagai sahabat.
 - D Guru sebagai polis.
- S31 Bagaimanakah guru dapat mengamalkan pendekatan psikologi behaviorisme bagi Kes S30?
- A Menghukum pelajar B dan menasihati pelajar A.
 - B Memberikan amaran yang keras kepada semua yang terlibat.
 - C Menghukum kedua-dua pelajar A dan B dengan dendaan berat.
 - D Memujuk pengawas dan mencari pelajar yang membuat aduan.

- S32 Antara berikut pilih pernyataan yang salah tentang cabaran pendidikan menggunakan pendekatan behaviorisme.
- A Guru perlu membuat persediaan yang rapi untuk pengajarannya.
 - B Guru perlu mengambil kira pandangan ibu bapa dan murid- murid yang tidak suka dihukum.
 - C Guru perlu menyusun isi pengajaran daripada tahap yang mudah kepada yang lebih sukar.
 - D Guru perlu selalu memberi ganjaran atau hukuman yang setimpal untuk setiap perbuatan murid-murid.
- S33 Manakah antara berikut adalah di antara keperluan yang harus dipenuhi sebelum mencapai ke Peringkat Keperluan Keselamatan?
- A Penghargaan diri.
 - B Kestabilan politik dan perundangan.
 - C Makanan, minuman, pakaian dan tempat kediaman.
 - D Menjalinkan silaturrahim di antara ahli keluarga dan masyarakat.
- S34 Manakah antara kenyataan berikut tidak benar tentang kelemahan Ujian IQ?
- A Ujian IQ terlalu banyak dan sukar dijawab oleh golongan terpelajar.
 - B Ujian IQ disempitkan kepada budaya tertentu dan tidak bersifat universal.
 - C Ujian IQ mengandungi pelbagai item yang menguji pengetahuan umum individu.
 - D Ujian IQ menguji kecerdasan dalam mengingat dan menyelesaikan masalah sahaja.
- S35 Identiti lawan kekeliruan adalah salah satu tugas perkembangan remaja. Manakah yang berikut bukan merupakan punca kekeliruan?
- A Terlalu dimanjakan sehingga tiada masalah yang cuba diatasi sendiri.
 - B Kelemahan dalam menilai situasi dan kurang persediaan dalam pelbagai aspek.
 - C Wujud terlalu banyak atau tiada langsung alternatif semasa membuat pilihan.
 - D Komitmen yang terlalu serius dalam diri remaja untuk membuat keputusan.

S36 dan S37 merujuk kepada Rajah S36.

AKTIVIS	REFLEKTIF
PRAGMATIS	TEORIS

Rajah S36

- S36 Rajah S36 menunjukkan jenis-jenis gaya pembelajaran. Strategi pengajaran terbaik bagi pelajar dengan gaya pembelajaran aktivis dalam rajah tersebut ialah melalui
- A kaedah induktif dan deduktif.
 - B permainan dan gerak kerja kumpulan.
 - C projek dan lawatan ke tempat bersejarah.
 - D pembelajaran berasaskan masalah dan diskusi.
- S37 Berdasarkan Rajah S36, strategi pengajaran manaakah yang sesuai untuk semua gaya pembelajaran?
- A Kuliah.
 - B Eksperimen.
 - C Perbincangan.
 - D Peraduan reka cipta.
- S38 Mengapakah pengulangan amat penting untuk mengingat?
- A Pengulangan menjadikan maklumat semakin padat dan tersusun.
 - B Pengulangan membantu memanjangkan tempoh ingatan jangka pendek.
 - C Pengulangan membantu menghantar maklumat ke stor ingatan jangka panjang.
 - D Pengulangan adalah ciri penting dalam aktiviti ingatan deria dan rangsangan.
- S39 Seseorang mungkin lemah dalam sesuatu bidang kemahiran tetapi cemerlang dalam bidang yang lain. Menurut Howard Gardner, ini menunjukkan
- A kecerdasan bergantung pada baka amat mempengaruhi seseorang.
 - B kecerdasan bersifat relatif kerana pengalaman adalah berbeza-beza.
 - C kecerdasan bersifat unik, berasingan dan tidak saling bergantung.
 - D kecerdasan bersifat berkembang dan dipengaruhi oleh persekitaran.

S40 Kreativiti menurut psikologi kognitif merujuk kepada

- A bakat semulajadi seseorang yang kreatif kerana faktor baka.
- B hasil kerja yang inovatif, menarik dan memberangsangkan.
- C persekitaran yang menarik dan merangsang pemikiran kreatif.
- D proses mental yang digunakan dalam menyelesaikan masalah.

-SOALAN TAMAT-